



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Rujukan : KKM 87/A2/14-14/0 (12)

Tarikh : 26 OGOS 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Datuk/Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR KERJA PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK SWASTA BAWAH AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [AKTA 586]

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), melalui Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan bertanggungjawab mengawal dan mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) termasuk klinik swasta, selaras dengan peruntukan bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Dimaklumkan juga, KKM komited untuk sentiasa menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan termasuklah memudah cara pihak pemohon dalam permohonan berkaitan Akta 586.

3. Pada ketika ini, rangka kerja kawal selia klinik swasta bawah Akta 586 melibatkan keperluan pemohon untuk mengemukakan Permohonan bagi Pendaftaran untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta (**Borang A**) secara hibrid (iaitu melalui sistem dalam talian <https://mymedpcs.moh.gov.my/> dan manual). Susulan itu, klinik swasta hanya boleh beroperasi setelah suatu **Perakuan Pendaftaran** dikeluarkan kepada pemohon, iaitu:

- 3.1 **Borang B** - Perakuan Untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan **Klinik Perubatan Swasta**; atau
- 3.2 **Borang C** - Perakuan Untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan **Klinik Pergigian Swasta**.

4. Umum mengetahui bahawa CKAPS melaksanakan polisi baharu proses kerja pendaftaran klinik swasta bawah Akta 586 mulai 1 Oktober 2023 untuk Fasa Pertama dan seterusnya diperluas ke seluruh negara melalui Fasa Kedua sejak 1 Januari 2024. Perkara tersebut diperincikan dalam surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bertarikh 27 September 2023 dengan no. rujukan KKM 87/A2/11-1/0 Jld. 3 (31). Malahan, polisi tersebut turut dimurnikan ke dalam penerbitan *Guidebook on Setting Up and Running Private Medical Clinics in Malaysia* yang merupakan projek kerjasama antara CKAPS dengan Malaysia Productivity Corporation. Penerbitan berbentuk *e-book* tersebut masih boleh dicapai di laman rasmi Bahagian Amalan Perubatan di pautan <https://hq.moh.gov.my/medicalprac/>.

5. Meskipun inisiatif pelaksanaan proses kerja di para 4 berjaya memendekkan tempoh pemprosesan permohonan, KKM tetap cakna dengan cabaran dan jurang sistem kesihatan di Malaysia, terutamanya berkenaan peluang pekerjaan profesional jagaan kesihatan, ketidakseimbangan bebanan kepada fasiliti dan tenaga kerja di sektor awam dan sebagainya. Justeru itu, dalam meneliti resolusi jangka pendek bagi cabaran yang mendesak tersebut, KKM menilai bahawa prosedur kerja di para 4 masih boleh ditambahbaik dan berpotensi memberikan impak positif yang maksimum kepada pelbagai pihak.

... 6. Oleh yang demikian, lanjutan daripada inisiatif Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (*Business Process Reengineering, BPR*) melibatkan kerjasama antara Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), KKM ingin memaklumkan perkara berikut:

6.1 Berkuat kuasa pada **2 September 2024**, prosedur kerja bagi pemprosesan Permohonan bagi Pendaftaran untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta (Borang A) akan mengguna pakai prosedur kerja yang terbaharu;

6.2 Jadual perbandingan prosedur kerja permohonan pendaftaran klinik swasta yang lama, semasa dan terbaharu adalah seperti di **Lampiran 1**. Ringkasnya, perbezaan utama prosedur kerja terbaharu ialah **CKAPS Ibu Pejabat (HQ)** akan menerima dan **memproses sepenuhnya permohonan**, termasuk penerimaan bayaran fi, tanpa melalui CKAPS Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan (JKN/WP); dan

6.3 Carta Alir Pemprosesan Permohonan Pendaftaran Klinik Swasta bagi prosedur kerja terbaharu adalah seperti di **Lampiran 2**.

7. Aspirasi penambahbaikan prosedur kerja terbaharu permohonan pendaftaran klinik swasta adalah seperti berikut:

7.1 Aspek kawal selia klinik swasta yang merangkumi kerangka **regulatori** seperti prosedur kerja penerimaan, pemprosesan permohonan dan pengeluaran Perakuan Pendaftaran klinik swasta **disentralisasikan di CKAPS HQ**; manakala

7.2 Aspek **jaminan kualiti dan pemantauan pasca pendaftaran** klinik swasta diperkukuhkan melalui fungsi **CKAPS JKN/WP** yang antara lain menjalankan tugas berikut:

- (a) Sebagai petugas barisan hadapan yang menyediakan khidmat nasihat kepada pemohon setempat berkaitan sesuatu permohonan bawah Akta 586;
- (b) Menjalankan aktiviti siasatan, penguatkuasaan, pendakwaan dan litigasi yang melibatkan kes-kes bawah Akta 586; dan
- (c) Menjalankan kerjasama dan kolaborasi strategik dalam kalangan pemegang taruh bagi memupuk persefahaman dalam implementasi pelaksanaan Akta 586.; serta

7.3 Keperluan pemohon untuk mengemukakan **Laporan Bukti Bergambar Pasca Pengubahsuaian Klinik Swasta ditiadakan**. Sandaran kepatuhan fasiliti klinik adalah berdasarkan pelan lantai yang diluluskan melalui surat tiada halangan pengubahsuaian.

8. Maklumat lanjut berkaitan penambahbaikan prosedur kerja terbaharu ini termasuklah dokumen seperti Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/Pergigian Swasta, Garis Panduan Papan Tanda Klinik Swasta dan sebagainya, boleh dicapai melalui laman rasmi Bahagian Amalan. KKM amat menghargai kerjasama, usaha dan tindakan semua pihak khususnya pihak pemohon dalam mematuhi keperluan Akta 586 dan Peraturan-peraturannya bagi menjamin aspek keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan di Malaysia mengikut kualiti dan standard yang ditetapkan.

9. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai penambahbaikan prosedur kerja terbaharu ini boleh diajukan kepada CKAPS HQ melalui e-mel ckaps@moh.gov.my. Diharapkan agar penambahbaikan prosedur kerja

pendaftaran klinik swasta ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak serta memperkukuhkan lagi sektor kesihatan swasta di Malaysia. Pada masa yang sama, pihak KKM akan sentiasa memaklumkan sebarang perubahan atau penambahbaikan prosedur kerja lain dari semasa ke semasa kepada pemegang taruh yang berkepentingan.

Keprihatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Amalan Perubatan

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

Semua Ketua CKAPS JKN/WP

Fail KKM 87/A2/11-1/0

SENARAI EDARAN

1. Malaysian Medical Association (MMA)
4th Floor, MMA House
124, Jalan Pahang
53000 WP Kuala Lumpur
2. Federation of Private Medical Practitioners Associations Malaysia (FPMPAM)
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Jalan Inovasi 1, Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong – Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)
No 17-2, Jln PJS 8/12
Dataran Sunway Mentari
46150 Petaling Jaya, Selangor
4. Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM)
B-G-39, Apartment Sri Penara
Jalan Sri Permaisuri 1, Bandar Sri Permaisuri
Cheras, 56000 Kuala Lumpur
5. Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Semalaysia (PERDIM)
3495, Garden Steer, Jinjang Utara
52000 WP Kuala Lumpur
6. Private Medical Practitioner's Association of Selangor and Kuala Lumpur
(PMPASKL)
Medical Academies of Malaysia
5 Jalan Kepimpinan, Jalan P8 H, Presint 8
62250 Putrajaya
7. Malaysian Society of Aesthetic Medicine (MSAM)
Suite 313, Lot PO5A
Empire Shopping Gallery, Jalan SS 16/1
47500 Subang Jaya, Selangor

8. Pertubuhan Doktor Estetik Berdaftar Malaysia (PDEBM)
S62-1, Encorp Strand Mall
Jalan PJU 5/22
47810 Petaling Jaya, Selangor
9. Persatuan Doktor Pergigian Swasta Malaysia
525, Block A3, Leisure Commerce Square 9, Jalan PJS 8/9
46150 Petaling Jaya, Selangor
10. Federation of Reproductive Health Associations, Malaysia (FRHAM)
81-B, Jalan SS15/5A, SS 15,
47500 Subang Jaya, Selangor

JADUAL PERBANDINGAN PROSEDUR KERJA PERMOHONAN PENDAFTARAN KLINIK SWASTA BAWAH AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [AKTA 586] MENGIKUT TARIKH PELAKSANAAN IMPLEMENTASI PROSEDUR

BIL.	PROSEDUR KERJA	LAMA	SEMASA	TERBAHARU
1.	Tarikh Pelaksanaan Implementasi Prosedur	Sebelum 30 September 2023	1 Oktober 2023 hingga 1 September 2024	Selepas 2 September 2024
2.	Konsultasi Pra Pendaftaran	CKAPS JKN/WP		
3.	Kaedah Permohonan	HIBRID 1. Pengisian Borang A melalui sistem MyMedPCs 2. Manual <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembayaran fi; dan ▪ Dokumen sokongan permohonan Borang A 		
4.	Pejabat Terima Permohonan & Fi Pemprosesan	CKAPS JKN/WP		CKAPS HQ
5.	Semakan Awal Dokumen Lengkap	CKAPS JKN/WP		CKAPS HQ
6.	Proses Permohonan Termasuk Semakan Pematuhan Dokumen	1. CKAPS JKN/WP <ul style="list-style-type: none"> ▪ Semakan pertama pematuhan & syor 2. CKAPS HQ <ul style="list-style-type: none"> ▪ Semakan kedua pematuhan 	CKAPS HQ	
7.	Pengeluaran Surat Tiada Halangan Pengubahsuaian	CKAPS JKN/WP	CKAPS HQ	
8.	Lawatan Pra Pendaftaran	CKAPS JKN/WP	-	
9.	Pejabat Terima Bukti Bergambar & Surat Aku Janji Pengubahsuaian	-	CKAPS HQ	-
10.	Pejabat Terima Notifikasi Selesai Pengubahsuaian dan Aku Janji	-	-	CKAPS HQ
11.	Pejabat Terima Fi Pengeluaran	CKAPS HQ		
12.	Pengeluaran Borang B/C	CKAPS HQ		
13.	Lawatan Pasca Pendaftaran	CKAPS JKN/WP	CKAPS JKN/WP	
14.	Lawatan 3P	-		
15.	Penguatkuasaan, Pendakwaan & Pengkompaunan	CKAPS JKN/WP		

NOTA:

- Perbezaan utama prosedur kerja terbaharu berbanding prosedur kerja semasa
- CKAPS – Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
- HQ – Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia
- JKN/WP – Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan
- BORANG A - Permohonan bagi Pendaftaran untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta
- BORANG B - Perakuan Untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Perubatan Swasta
- BORANG C - Perakuan Untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Pergigian Swasta.
- 3P – Pemeriksaan Pematuhan Piawaian



NOTA:

- **BAP** - Bahagian Amalan Perubatan
- **CKAPS** - Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
- **HQ** - Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- **JKN/WP** - Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan
- **Borang A** - Permohonan bagi Pendaftaran untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta
- **Borang B** - Perakuan Untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Perubatan Swasta
- **Borang C** - Perakuan Untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan atau Mengendalikan atau Menyediakan Klinik Pergigian Swasta
- **Format A** - Dokumen yang tertera butiran pemohon/ premis/ Orang Yang Bertanggungjawab dan sebagainya, untuk semakan pemohon sebelum dicetak di Borang B/C

LAMAN WEB BAGHAIAN AMALAN PERUBATAN:

[HTTPS://HQ.MOH.GOV.MY/MEDICALPRAC/](https://hq.moh.gov.my/medicalprac/)